

UMW Toyota anjur Toyota Classics 2014

KUALA LUMPUR 3 Nov. - UMW Toyota akan menganjurkan acara tahunannya Toyota Classics 2014, persembahan orkestra muzik klasik yang menghimpunkan beberapa pemuzik terbaik dunia sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat.

Program tersebut akan berlangsung pada 11 November ini di Dewan Filharmonik Petronas bertemakan Muzik Yang Menyentuh Kehidupan.

Presiden UMW Toyota Motor, Datuk Ismet Suki berkata, hasil jualan tiket Toyota Classics 2014 akan disalurkan kepada Yayasan Paru-Paru Malaysia (LFM), Yayasan Buah Pinggang Nasional (NKF), Pertubuhan Kebajikan dan

Perlindungan Nur Qaseh Malaysia serta Yayasan Islam Darul Ehsan.

Beliau berkata, program berkenaan membawa kesan positif kerana berjaya memberikan perubahan kepada ribuan nyawa dan bersempena ulang tahun ke-25 penganjurannya, UMW Toyota mahu meluaskan sempadan orkestra klasik dengan ekstravaganza muzikal.

"Toyota Classics mahu menjadi antara pengumpul dana menerusi muzik klasik paling lama diadakan di Malaysia dan sejak penubuhannya, ia berjaya mengutip lebih RM7 juta dan disalurkan kepada lebih 56 organisasi kebajikan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia," katanya dalam kenyataan di sini

hari ini.

Edisi orkestra tahun ini akan menampilkan pemain biola Vasko Vassilev, Pamela Nicholson, Covent Garden Soloist Orchestra yang bakal dipimpin konduktor terkemuka dunia, Miguel Angel Navarro.

Pada malam itu, Vassilev akan membuat persembahan biola secara solo sementara Nicholson pula akan bermain piano, selain bertanggungjawab menyusun lagu dan sebagai komposer kepada kumpulan orkestra itu.

Nicholson juga buat pertama kalinya akan mempersembahkan susunan muzik terbaharu yang turut melibatkan runut bunyi daripada beberapa buah filem.



TOYOTA Classics 2014 di Dewan Filharmonik Petronas, bakal menampilkan pemain biola antarabangsa.